

TREND LAPORAN ISU KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM DI MALAYSIA: SEBUAH KAJIAN AKHBAR

**Dahlan Abdullah, Saiful Nizam Warris, Muhammad Che Saad, Hisyam
Mohd Radzi, Ch'ng Pei Eng, Rasaya Marimuthu, Mohd Rizaimy
Shaharudin**

ABSTRACT

Apart from the new (alternative) media, newspaper-based reports, both printed and digital, are still one of the main information sources of current issues for Malaysians. Although the sale of printed dailies has witnessed a downward trend in recent years, the popularity of digital newspapers has been on a steady increase. Previous research has indicated that newspaper reports can influence the perceptions and thinking of the society. Thus, a study to identify the trend of newspaper reports with regards to issues of safety and public order is deemed necessary. This article presents the results of a study based on news reports published in five local newspapers from July to August 2021. From the 816 newspaper reports that were gathered, 633 were analyzed to identify their reporting trend, and then categorized according to different themes or core issues of safety and public order based on the Perception of Safety Index (PSI). Results of the study show that local dailies have given prominence to reporting news with regards to Core 4 (PSI), on issues related to ensuring safety and public order. News reports relating to Cores 2, 3 and 5 of the PSI have been covered in a somewhat balanced manner, while Cores 1 and 6 have been minimally covered. This implies minimal coverage on news articles that report issues related to defending and upholding the sanctity of our constitution, rule of law and sovereignty of national institutions, and other issues related to protection of important national assets.

Keywords: *Security Index, Public Safety, Press Report, Trend, Perception*

ABSTRAK

Selain media baru, laporan akhbar sama ada dalam bentuk laporan bercetak mahupun digital masih merupakan salah satu sumber utama maklumat berkenaan isu-isu semasa bagi rakyat Malaysia. Walaupun trend penjualan akhbar bercetak menunjukkan kemerosotan, populariti akhbar digital yang dicapai secara dalam talian semakin meningkat. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa laporan akhbar boleh mempengaruhi persepsi dan pemikiran masyarakat. Oleh yang demikian, satu kajian untuk melihat trend laporan akhbar yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam amat diperlukan. Artikel ini membentangkan hasil kajian akhbar berkenaan dengan trend laporan akhbar yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam yang diterbitkan oleh lima akhbar tempatan dari bulan Julai hingga Ogos 2021. Daripada 816 artikel yang telah berjaya dikumpul, sebanyak 633 telah dianalisis untuk melihat trend pelaporan dan dikategorikan mengikut tema atau teras utama isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam yang diperoleh daripada Persepsi Indeks Keselamatan (Perception of Safety Index – PSI) Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa akhbar-akhbar tempatan telah memberi tumpuan dalam melaporkan berita-berita yang berkaitan dengan Teras 4 iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Laporan akhbar yang berkaitan dengan Teras 2, Teras 3 dan Teras 5 dilihat agak seimbang. Manakala laporan yang berkaitan dengan Teras 1 dan Teras 6 hanya sedikit. Ini bermaksud laporan akhbar yang melaporkan isu-isu yang berkaitan dengan mempertahankan keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan institusi utama negara serta isu-isu yang berkaitan dengan melindungi aset dan sasaran penting negara kurang dilaporkan oleh media.

Kata Kunci: *Indeks Keselamatan, Ketenteraman Awam, Laporan Akhbar, Trend, Persepsi*

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2016, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menjalankan kajian persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Pada tahun berikutnya, kajian tersebut dilanjutkan dengan mengukur persepsi masyarakat mengenai indikator jenayah di Malaysia. Kedua-dua kajian ini merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Menteri Dalam Negeri (MPI) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11). Di bawah Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Malaysia (PEMANDU), kadar jenayah telah menurun sebanyak 53% dari tahun 2010 – 2017 (Yaacob, 2018). Penurunan ini adalah kesan daripada transformasi agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya PDRM. Kaji selidik *Perception of Crime Indicator* (PCI) pada tahun 2017 di Kuala Lumpur menunjukkan pengurangan 31% persepsi rasa tidak selamat di kalangan orang ramai berbanding 61% pada tahun 2016. Skop kajian telah ditambah dari Kuala Lumpur sahaja pada tahun 2016 ke negeri-negeri lain iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Johor pada tahun 2017.

Kajian ini telah diambil alih oleh Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada tahun 2018. Indeks Keselamatan Malaysia telah dibangunkan pada tahun 2019 melalui kerjasama strategik bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2020 penambahbaikan instrumen Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) telah dijalankan melalui kerjasama strategik dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah mengambil kira indeks-indeks antarabangsa yang sedia ada bagi membangunkan indeks yang lebih inklusif dan menyeluruh mengikut portfolio Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Bagi kajian PSI 2021 beberapa penambahbaikan telah dijalankan. Pertama, instrumen-instrumen yang digunakan telah ditambah baik berdasarkan dapatan kajian PSI 2020. Instrumen-instrumen telah disejajarkan dengan data yang dikumpul oleh agensi-agensi di bawah KDN bagi membolehkan perbandingan di antara persepsi dan keadaan yang sebenar. Kedua, tiga kajian tambahan telah dijalankan bagi menyokong dapatan daripada kajian kaji selidik PSI 2021. iaitu (i) analisis sentimen (ii) analisis akhbar dan (iii) analisis data dari agensi penguatkuasaan di bawah KDN dan yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam.

Artikel ini membentangkan dapatan daripada analisis akhbar yang telah dijalankan terhadap beberapa akhbar tempatan yang diterbitkan pada bulan Julai, Ogos dan September tahun 2021. Tujuan kajian analisis akhbar ini adalah untuk mengenal pasti trend laporan akhbar berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Dapatan daripada kajian akhbar ini telah digunakan bagi menyokong dapatan daripada kajian PSI 2021 yang telah dijalankan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Media

Media merupakan satu bentuk komunikasi yang menghantar informasi kepada penerima menggunakan pelbagai instrumen kajian seperti surat khabar, radio, televisyen, majalah, dan sumber internet seperti blog dan penerbitan di dalam talian. Fungsi utama media adalah untuk memaklumkan atau berkomunikasi dengan seramai orang yang mungkin. Malah, masyarakat juga bergantung kepada media untuk mengetahui pelbagai isu atau maklumat seperti isu politik, hiburan, isu dunia, kebudayaan dan berita tempatan dan antarabangsa. Definisi media semakin meluas dengan wujudnya media sosial iaitu satu terminologi yang telah menjadi kebiasaan pada masa kini dan ianya menyebarkan informasi melalui laman sesawang sosial.

Selain memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan informasi kepada masyarakat, media juga merupakan pendorong kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Masyarakat juga sedar bahawa media sosial turut memberikan impak yang besar kepada mereka (Akram, 2018). Menurut Tan Sri Mohd Azumi Mohamed, media kini mempunyai kuasa yang kuat dalam mempengaruhi persepsi masyarakat apabila teknologi internet dijadikan medium penyebaran maklumat dan berita (Bernama, 2021). Mutakhir ini, penyebaran maklumat berlaku dengan sangat pantas dan kadangkala ianya sukar untuk dikawal. Kewujudan media sosial telah memungkinkan perkara ini berlaku dan kesannya terdapat informasi dan berita palsu yang tular dan boleh mengganggu gugat ketenteraman negara apabila melibatkan kandungan sensitif 3R iaitu perkauman (*race*), agama (*religion*) dan institusi diraja (*royalty*) (Sualman, 2019). Tambahan lagi, menurut kajian yang dilakukan oleh Shirky (2011) mendapati penyebaran

kandungan yang dihasilkan oleh masyarakat melalui media sosial juga adalah lebih cepat daripada arus media perdana. Hal ini juga disentuh di dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN) di mana media sosial menjadi platform bagi masyarakat menyebarkan dengan meluas isu-isu berkaitan sensitiviti kaum, agama, kepercayaan dan kebudayaan yang boleh menjejaskan perpaduan negara.

Selain itu, penyebaran berita palsu yang menyentuh isu perkauman dan anti perpaduan boleh menimbulkan suasana panik dalam kalangan masyarakat dan boleh menggugat keamanan 17 negara (Bernama, 2020). Sebarang isu dan sentimen yang disebarkan melalui media sosial juga boleh mengancam keselamatan negara. Maka, masalah penyebaran maklumat palsu dan tidak tepat amat mudah untuk tular kebelakangan ini. Tsfati dan Cohen (2012) menyatakan bahawa media dapat mempengaruhi pendapat dan tingkah laku masyarakat. Aktiviti mengedar dan menular perkara yang boleh mencetuskan kebencian dan perang media akan cuba dieksploitasi oleh kumpulan ekstremis dan pengganas (Sualman, 2019). Jadi, penyebaran berita palsu ini merupakan perkara yang tidak boleh dipandang remeh kerana terdapat risiko yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara (Jalli & Idris, 2019).

Kemunculan internet telah membawa dimensi baharu dalam landskap media dengan membawa perubahan radikal dalam aspek pengawalan dan pengendalian maklumat dan sumber (Nurul Madiha & Mohd Azul, 2015). Masyarakat pada masa kini kebanyakannya bergantung kepada kehidupan dalam talian (*online*) dalam menjalani aktiviti harian. Secara umumnya, media sosial digunakan sebagai medium untuk berkomunikasi, bersosial serta sebagai sumber maklumat. Walau bagaimanapun, kepesatan penggunaan media sosial telah mempengaruhi isu-isu keselamatan kepada pengguna. Menurut Perdana Menteri Malaysia (Menteri Dalam Negeri) di dalam Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam, di era globalisasi dan teknologi yang semakin berkembang yang berasaskan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), ancaman dan risiko terhadap keselamatan negara menjadi semakin kompleks dan merentasi sempadan. Pernyataan tersebut di sokong secara tidak langsung oleh beberapa kajian lepas di mana para pengkaji mendapati bahawa media massa dan sosial mempengaruhi persepsi bukan hanya masyarakat setempat malahan orang ramai (Cheng et al., 2015; Wirza & Kee, 2013; Ahmad Sauffiyah, 2019).

2.2 Pengukuran Persepsi Rasa Selamat

Persepsi terhadap kadar jenayah ini biasanya terbentuk melalui informasi yang disalurkan kepada orang ramai daripada pelbagai platform media. Perasaan takut dan bimbang akan timbul daripada pembacaan berita-berita negatif yang disampaikan melalui akhbar, media sosial atau media konvensional. Kemajuan teknologi digital telah meningkatkan lagi kebolehcapaian maklumat dan berita daripada pelbagai sumber elektronik dalam kadar yang lebih pantas. Berita-berita ini boleh mewujudkan persepsi rasa selamat dan persepsi rasa kurang selamat melalui cara berita-berita tersebut ditulis dan diolah. Sekiranya persepsi ini tidak dikawal dari akar umbi, ianya boleh menyebabkan ketidakstabilan politik dalam negara yang akan menjejaskan keharmonian kaum seterusnya, keselamatan dan ketenteraman awam.

Malaysia telah melalui evolusi yang mencabar dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan negara serta ketenteraman awam. Landskap keselamatan kini semakin kompleks melibatkan ancaman-ancaman dari pelaku negara (*state actor*) dan pelaku bukan negara (*non-state actor*) yang berpotensi memberikan impak besar ke atas keselamatan serta kedaulatan negara. Maka, usaha untuk memastikan keselamatan negara dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat perlu mengambil kira aspek ancaman dalam negara dan suasana geopolitik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Persepsi rasa selamat adalah penting kerana ianya menjadi kayu ukur kepada keadaan sosio-kehidupan rakyat. Ianya mampu menurunkan persepsi rasa takut dan seterusnya dapat menarik ramai pelabur serta mengembangkan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat (Yaacob & Sidek, 2018). Memandangkan ianya amat penting bagi memastikan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Malaysia memandang serius terhadap isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam. Persepsi negatif mengenai ancaman jenayah dan keganasan boleh menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan rakyat Malaysia. Bagi mengambil langkah sewajarnya untuk meningkatkan rasa selamat di kalangan rakyat, maka terdapat keperluan untuk mengenal pasti jurang persepsi keselamatan dan ketenteraman awam masyarakat melalui pengukuran indeks persepsi keselamatan secara tahunan.

2.3 Kajian Analisis Akhbar

Kajian analisis akhbar yang dijalankan di dalam Kajian PSI pada tahun 2020 menunjukkan pelbagai akhbar yang memaparkan isu penguatkuasaan, jenayah rasuah, penyeludupan, jenayah domestik dan lain-lain. Selain daripada itu, terdapat juga berita yang mengulas tentang persepsi masyarakat terhadap masalah keselamatan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Secara keseluruhannya, PDRM merupakan agensi yang paling banyak disiarkan iaitu sebanyak 15 kali diikuti oleh KASTAM sebanyak 8 kali dan MAQIS sebanyak 7 kali. Selain daripada itu, terdapat 7 siaran akhbar berkaitan persepsi masyarakat dari akhbar berkaitan. Selebihnya adalah melibatkan isu campuran antara agensi kerajaan berkaitan dengan isu keselamatan dan ketenteraman awam. Kebanyakan berita adalah mengenai persepsi masyarakat tentang jenayah rasuah yang berlaku di Malaysia. Dalam hal ini, PDRM merupakan agensi yang paling banyak mendapat siaran akhbar yang berkaitan dengan masalah kelemahan penguatkuasaan dan keselamatan di Malaysia. Naratif yang dimainkan oleh akhbar ini secara tidak langsung mempengaruhi persepsi masyarakat dan mendorong mereka menilai tahap yang rendah terhadap integriti agensi penguatkuasaan di Malaysia.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan teknik analisis kandungan berita dalam akhbar digital. Akhbar digital tersebut dipilih berdasarkan kepada jumlah trafik laman web yang dilaporkan oleh laman Semrush (Semrush, 2021). Jangka masa akhbar yang diterbitkan adalah dari 1 Julai 2021 hingga 30 September 2021 dan dalam bentuk salinan elektronik berformat '*pdf*' yang diperoleh secara terus daripada syarikat surat khabar. Berikut adalah surat khabar yang telah dipilih: 1) Harian Metro, 2) New Straits Times, 3) Sin Chew Jit Poh, 4) Sinar Harian, 5) The Star.

Artikel akhbar yang berkaitan dengan isu keselamatan dan ketenteraman awam dianalisis dan dikategorikan kepada 6 teras, iaitu: 1) Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Institusi Utama negara, 2) Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan keselamatan, 3) Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan, 4) Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam, 5) Memerangi Gejala Dadah, dan 6)

Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara. Hanya artikel akhbar yang berkaitan dengan teras 1 hingga 6 diambil sebagai data kajian dan dianalisis dengan menggunakan perisian NVIVO versi 13. Artikel akhbar tersebut boleh dikategorikan dalam lebih dari satu teras bergantung kepada kandungan berita. Manakala, artikel berita susulan dengan isu yang sama tidak diambil kira bagi memastikan keabsahan data. Bilangan artikel akhbar terperinci yang telah dianalisis adalah seperti yang dibentangkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan artikel akhbar yang telah dianalisis

Bil.	Nama Akhbar	Bulan (Tahun 2021)			Jumlah (%)
		Julai	Ogos	September	
1	Harian Metro	42	32	50	124 (19.6%)
2	Sinar Harian	36	24	34	94 (14.8%)
3	The Star	49	52	47	148 (23.4%)
4	New Straits Times	56	52	59	167 (26.4%)
5	Sin Chew Daily	29	33	38	100 (15.8%)
Jumlah		212 (33.5%)	193 (30.5%)	228 (36.0%)	33 (100%)

4.0 ANALISIS DATA

4.1 Analisis Artikel


Terdapat lima akhbar yang telah dianalisis dari bulan Julai sehingga September 2021 iaitu Harian Metro, Sinar Harian, The Star, New Straits Times dan Sin Chew Daily. Jumlah artikel yang dianalisis adalah berdasarkan kepada siaran berita yang berkaitan dengan instrumen kaji selidik Kajian PSI 2021. Dari segi komposisi dari sejumlah 633 artikel yang telah dianalisis, New Straits Times mendominasi jumlah artikel yang dianalisis dengan 167 (26.4%) artikel, diikuti oleh The Star dengan 148 (23.4%) artikel, Harian Metro sebanyak 124 (19.6%) artikel, Sin Chew Daily dengan 100 (15.8%) artikel dan Sinar Harian dengan 94 (14.8%) artikel. Jumlah akhbar yang dianalisis mengikut bulan pula menunjukkan jumlah yang hampir seimbang dengan jumlah tertinggi pada bulan September 2021 dengan 228 (36.0%) artikel, bulan Julai 2021 kedua

tertinggi dengan 212 (33.5%) artikel dan bulan Ogos 2021 adalah terendah sekali dengan 193 (30.5%) artikel.

4.2 Bilangan Artikel Mengikut Teras

Rajah 1 menunjukkan bilangan artikel akhbar yang telah dianalisis mengikut teras. Sebilangan besar iaitu sebanyak 317 (50.1%) artikel akhbar yang diterbitkan oleh lima akhbar yang dianalisis dalam kajian ini adalah berkaitan dengan “Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam”. Manakala artikel yang berkaitan dengan “Teras 5: Memerangi Gejala Dadah” merupakan kategori yang kedua tertinggi dengan 108 (17.1%) artikel, diikuti oleh artikel yang berkaitan dengan “Teras 3: Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan” dengan 104 (16.4%) artikel. Selain itu, sebanyak 93 (14.7%) artikel yang dianalisis adalah berkaitan dengan “Teras 2: Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan”. Hanya sebahagian kecil sahaja artikel (kurang dari 1%) yang dianalisis berkaitan dengan “Teras 1: Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Institusi Utama Negara” dan “Teras 6: Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara”, masing-masing sebanyak 7 (1.1%) dan 4 (0.6%). Sebanyak 183 (22.4%) artikel lagi tidak termasuk dalam mana-mana teras yang tersenarai dalam kajian ini.

Rajah 1: Bilangan Artikel Akhbar yang dianalisis mengikut Teras



4.3 Dapatan dan Analisis Data

Dapatan analisis akhbar dibentangkan mengikut teras utama dan item kajian selidik seperti yang telah digunakan dalam kajian kuantitatif.

4.3.1 TERAS 1. Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara

Akhbar The Star merupakan akhbar yang paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 1 iaitu sebanyak 3 (42.9%) artikel, diikuti oleh akhbar New Straits Times dengan 2 (28.6%) artikel, Sin Chew Daily dan Sinar Harian masing-masing dengan 1 (14.2%) artikel. Data juga menunjukkan tiada artikel yang berkaitan Teras 1 diterbitkan dalam akhbar Harian Metro. Manakala, artikel yang berkaitan dengan Teras 1 paling banyak diterbitkan adalah dalam bulan Julai iaitu sebanyak 5 (71.4%) artikel, diikuti dengan bulan Ogos sebanyak 2 (28.6%) artikel. Tiada artikel berkaitan Teras 1 diterbitkan dalam bulan September.

Bagi mengikut negeri, Teras 1 paling banyak dilaporkan adalah di Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 4 (57.1%) artikel, diikuti negeri Johor dengan 2 (28.6%) artikel dan Selangor dengan 1 (14.3%) artikel. Negeri-negeri lain tiada berita akhbar yang melibatkan Teras 1 telah dilaporkan. Bilangan artikel akhbar tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 1 dari bulan Julai hingga September 2021. Artikel yang melibatkan item “BA1: Peranan Perlembagaan Persekutuan, institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam adalah berkesan” adalah yang tertinggi diterbitkan iaitu sebanyak 3 artikel pada bulan Julai 2021. Ini diikuti oleh artikel item “BA2: Institusi Raja-Raja menyumbang kepada keharmonian, kesepaduan sosial dan kestabilan politik negara” dan artikel item “BB2: Badan perundangan dan kehakiman berfungsi dengan baik” yang berkongsi bilangan artikel yang setara iaitu sebanyak 1 artikel pada bulan Ogos dan 1 artikel pada bulan September masing-masing.

4.3.2 TERAS 2. Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan

Akhbar The Star paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 2 iaitu sebanyak 34 (36.5%) artikel, diikuti oleh akhbar Sin Chew Daily sebanyak 18 (19.4%) artikel, Sinar Harian 15 (16.1%) artikel, dan New Straits Times 14 (15.1%) artikel. Harian Metro merupakan akhbar yang paling sedikit menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 2 iaitu hanya 12 (12.9%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 2 paling banyak diterbitkan pada bulan Julai iaitu sebanyak 32 (34.4%) artikel, diikuti oleh bulan Ogos sebanyak 31 (33.3%) artikel dan bulan September sejumlah 30 (32.3%) artikel.

Artikel yang berkaitan dengan Teras 2 paling banyak berlaku di Wilayah Persekutuan dengan 29 (31.2%) artikel, diikuti oleh Selangor dengan 18 (19.4%) artikel, Kelantan dengan 8 (8.3%) artikel, Johor 7 (7.5%) artikel dan Kedah sebanyak 6 (6.5%) artikel. Bilangan artikel yang berkaitan dengan Teras 2 yang melibatkan negeri-negeri lain hanyalah dalam lingkungan 2 (2.2%) hingga 5 (5.4%) artikel sahaja. Terdapat laporan bagi semua negeri yang berkaitan dengan Teras 2 kecuali negeri Pahang sahaja.

Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 2 dari bulan Julai hingga September 2021. Artikel yang melibatkan item “CB1: Tahap integriti warga agensi penguatkuasaan di Malaysia” didapati banyak diterbitkan pada bulan Julai dan Ogos 2021 iaitu masing-masing sebanyak 10 artikel. Hanya 6 artikel berkenaan item ini diterbitkan dalam bulan September 2021. Artikel yang berkaitan dengan item “CB2: Tahap profesionalisme warga agensi penguatkuasaan di Malaysia” menunjukkan trend menurun dari bulan Julai (11 artikel), Ogos (9 artikel) hingga ke bulan September 2021 (6 artikel). Manakala bilangan artikel yang berkaitan dengan item “CB3: Tahap kompetensi warga agensi penguatkuasaan di Malaysia” telah meningkat dari bulan Julai (5 artikel), Ogos (6 artikel) hingga ke bulan September 2021 (8 artikel).

4.3.3 TERAS 3. Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan

Akhbar Harian Metro paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 3 iaitu sebanyak 33 (31.7%) artikel, diikuti oleh akhbar New Straits Times 26 (25%) artikel, Sinar Harian 20 (19.2%) artikel dan The Star dengan 13 (12.5%) artikel. Sin Chew Daily merupakan akhbar yang paling sedikit menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 3 iaitu hanya 12 (11.5%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 3 paling banyak diterbitkan pada bulan Julai iaitu sebanyak 40 (38.5%) artikel, diikuti oleh bulan Ogos sebanyak 33 (31.7%) artikel dan bulan September sejumlah 31 (29.8%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 3 disiarkan dari kesemua negeri dengan paling banyak dilaporkan di negeri Johor sebanyak 20 (19.2%) artikel, diikuti oleh Kelantan dengan 18 (17.3%) artikel, Wilayah Persekutuan dengan 14 (13.5%) artikel, Selangor dengan 13 (12.5%) artikel dan Sabah dengan 9 (8.7%) artikel. Bilangan artikel yang berkaitan dengan Teras 3 yang melibatkan negeri-negeri lain hanyalah dalam lingkungan jumlah antara 1 (0.9%) hingga 4 (3.8%) artikel sahaja.

Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 3 dari bulan Julai hingga September 2021. Bilangan artikel yang melibatkan item “DA2: Penyeludupan dadah” didapati menunjukkan trend peningkatan dari bulan Julai (3 artikel), Ogos (3 artikel) dan September 2021 (6 artikel). Sebaliknya, artikel yang berkaitan dengan item “DA4: Penyeludupan barangan seperti barangan larangan, kawalan, bercukai dan kemasukan wang haram” menunjukkan trend menurun dari bulan Julai (27

artikel), Ogos (21 artikel) hingga ke bulan September 2021 (13 artikel). Manakala, bilangan artikel yang berkaitan dengan item “DA7: Operasi tangkapan PATI, penyeludupan, pencerobohan bot nelayan asing” telah meningkat dari 4 artikel dalam bulan Julai ke 15 artikel dalam bulan Ogos. Namun, bilangannya turun semula pada bulan September 2021 kepada 7 artikel.

4.3.4 TERAS 4. Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Akhbar New Straits Times paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 4 iaitu sebanyak 89 (28.1%) artikel, diikuti oleh akhbar The Star 70 (22.1%) artikel, Sin Chew Daily 58 (18.3%) artikel dan Harian Metro dengan 57 (17.9%) artikel. Sinar Harian merupakan akhbar yang paling sedikit menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 4 iaitu hanya 43 (13.6%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 4 paling banyak diterbitkan pada bulan September iaitu sebanyak 126 (39.7%) artikel, diikuti oleh bulan Julai sebanyak 105 (33.1%) artikel dan bulan Ogos dengan 86 (27.1%) artikel. Berita-berita dan isu-isu yang berkaitan dengan Teras 4 disiarkan dari semua negeri dengan Wilayah Persekutuan paling banyak dilaporkan sebanyak 62 (19.6%) artikel, diikuti oleh Selangor dan Sarawak dengan 39 (12.3%) artikel masing-masing, Negeri Sembilan dengan 30 (9.5%) artikel, Pulau Pinang dengan 29 (9.1%) artikel, Perak dengan 20 (6.3%) artikel, Johor dan Kelantan dengan 18 (5.7%) artikel dan Sabah dengan 16 (5%) artikel. Bilangan artikel yang berkaitan dengan Teras 4 yang melibatkan negeri-negeri lain hanyalah dalam lingkungan 3 (0.9%) hingga 13 (4.1%) artikel.

Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 4 dari bulan Julai hingga September 2021. Bilangan artikel yang melibatkan item “EA2: Kes pembunuhan” didapati meningkat dari 9 artikel pada bulan Julai kepada 25 artikel dalam bulan Ogos. Namun, bilangannya menurun kepada 17 artikel dalam bulan September 2021. Sebaliknya, artikel yang berkaitan dengan item “EA9: Penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, Macau *scam*, African *scam*, pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud dan penipuan penyamaran” menunjukkan trend menurun dari 23 artikel dalam bulan Julai ke 11 artikel sahaja dalam bulan Ogos. Namun, bilangannya meningkat semula kepada 24 artikel dalam bulan September 2021. Bilangan

artikel yang berkaitan dengan item “EA11: Penipuan menggunakan laman sesawang seperti laman sesawang palsu, e-scams, jenayah kripto, *ransomware*, e-godam” menurun dari 20 artikel dalam bulan Julai ke 12 artikel dalam bulan Ogos. Namun, bilangannya meningkat semula 18 artikel pada bulan September 2021.

4.3.5 TERAS 5. Memerangi Gejala Dadah

Akhbar New Straits Times paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 5 iaitu sebanyak 36 (33.3%) artikel, diikuti oleh akhbar The Star 26 (24.1%) artikel, Harian Metro 22 (20.4%) artikel dan Sinar Harian dengan 15 (13.9%) artikel. Sin Chew Daily merupakan akhbar yang paling sedikit menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 5 iaitu hanya 9 (8.3%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 5 paling banyak diterbitkan pada bulan Ogos iaitu sebanyak 41 (37.9%) artikel, diikuti oleh bulan September sebanyak 37 (34.3%) artikel dan bulan Julai dengan 30 (27.8%) artikel. Artikel yang berkaitan dengan Teras 5 paling banyak dilaporkan di negeri Johor dan Pulau Pinang dengan 13 (12%) artikel, diikuti oleh Selangor dengan 12 (11.1%) artikel, Wilayah Persekutuan dan Kedah dengan 11 (10.2%) artikel masing-masing, Kelantan dengan 9 (8.3%) artikel, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak masing-masing dengan 8 (7.4%) artikel. Bilangan artikel yang berkaitan dengan Teras 5 yang melibatkan negeri-negeri lain hanyalah dalam lingkungan 3 (2.8%) hingga 6 (5.6%) artikel sahaja. Tiada artikel yang berkaitan dengan Teras 2 dikaitkan dengan negeri Pahang.

Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 5 dari bulan Julai hingga September 2021. Dapatan menunjukkan bilangan artikel yang melibatkan item “FA1: Kes mengedar dadah” menunjukkan trend peningkatan dari 23 artikel dalam bulan Julai ke 29 artikel dalam bulan September 2021. Manakala artikel yang berkaitan dengan item “FA2: Kes individu menyalahgunakan dadah” meningkat dari 7 artikel dalam bulan Julai ke 13 artikel dalam bulan Ogos. Namun, bilangannya menurun semula kepada 9 artikel dalam bulan September 2021. Bagi artikel yang berkaitan dengan item “FB3: Penguatkuasaan oleh agensi dadah adalah berkesan” pula, bilangannya agak rendah iaitu hanya 2 artikel dalam bulan Julai, dan meningkat kepada 3 artikel dalam bulan Ogos dan September 2021.

4.3.6 TERAS 6. Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara

Hanya akhbar Sin Chew Daily dan The Star sahaja yang menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 6 iaitu sebanyak 2 (50%) artikel masing-masing. Tiada laporan bagi Teras 6 dari akhbar Harian Metro, New Straits Times dan Sinar Harian. Artikel yang berkaitan dengan Teras 6 hanya diterbitkan pada bulan September 2021 dengan 4 (100%) artikel. Tiada berita melibatkan Teras 6 yang dilaporkan pada bulan Julai dan Ogos 2021. Artikel yang berkaitan dengan Teras 6 yang hanya dilaporkan di tiga buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan yang paling tinggi dengan 2 (50%) artikel, diikuti oleh Sarawak dan Selangor dengan masing-masing sebanyak 1 (25%) artikel. Walau bagaimanapun, penumpuan lokasi bagi laporan-laporan akhbar ini adalah di pusat pentadbiran kerana ianya bersifat umum dan tidak spesifik kepada negeri-negeri tertentu sahaja.

Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan berkaitan dengan Teras 6 dari bulan Julai hingga September 2021. Artikel akhbar yang melibatkan item “GA1: Kawalan kos berkaitan aset dilakukan secara berhemah, cekap dan berkesan”, “GB1: Keselamatan infrastruktur teknologi maklumat kerajaan serta sistem kritikal negara adalah kukuh” dan “GB2: Perlindungan dan keselamatan terhadap ancaman data kerajaan dilaksanakan dengan baik” hanya terdapat dalam bulan September 2021. 1 artikel berkaitan dengan item GA1, 1 artikel berkaitan dengan item GB1 dan 2 artikel berkaitan dengan item GB2.

5.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Rumusan

Kajian analisis akhbar yang dijalankan dari bulan Julai sehingga September 2021 terhadap lima akhbar iaitu 1) Harian Metro, 2) Sinar Harian, 3) The Star, 4) New Straits Times, dan 5) Sin Chew Daily menunjukkan terdapat 633 artikel melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan instrumen Kajian PSI 2021 telah disiarkan oleh akhbar-akhbar terbabit. Secara keseluruhannya, akhbar The New Straits Times menyiarkan jumlah berita kajian paling tinggi berbanding akhbar-akhbar yang lain. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, didapati akhbar-akhbar banyak memberi tumpuan dalam melaporkan berita-berita serta isu-isu yang berkaitan dengan Teras 4 iaitu perkara-perkara

berkaitan dengan menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Ini diikuti oleh Teras 5, Teras 3 dan Teras 2 dengan jumlah yang hampir seimbang. Manakala, artikel-artikel yang berkaitan dengan Teras 1 dan Teras 6 adalah amat kurang diterbitkan. Ini menunjukkan bahawa berita-berita dan isu-isu yang berkaitan dengan mempertahankan keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan institusi utama negara serta isu-isu yang berkaitan dengan melindungi aset dan sasaran penting negara adalah kurang signifikan untuk siaran bagi akhbar-akhbar terbabit.

Dapatan kajian mengikut Teras 1 menunjukkan jumlah siaran yang rendah oleh akhbar-akhbar terbabit. Walau bagaimanapun, akhbar The Star melaporkan berita tertinggi bagi Teras 1 dan majoriti berlaku di Wilayah Persekutuan. Terdapat juga artikel yang dilaporkan di negeri Johor dan Selangor tetapi tidak ada pelaporan berita dari negeri-negeri lain. Artikel-artikel paling banyak diterbitkan dalam bulan Julai 2021, namun tiada artikel berkaitan Teras 1 diterbitkan dalam bulan September 2021. Berita-berita yang dilaporkan adalah merujuk kepada tiga item kaji selidik tertinggi iaitu “BA1: Peranan Perlembagaan Persekutuan, institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam adalah berkesan”, “BA2: Institusi Raja-Raja menyumbang kepada keharmonian, kesepaduan sosial dan kestabilan politik negara” dan “BB2: Badan perundangan dan kehakiman berfungsi dengan baik”.

Bagi dapatan kajian mengikut Teras 2, didapati akhbar The Star adalah paling banyak melaporkan berita-berita dan isu-isu berkaitan teras ini. Jumlah artikel yang diterbitkan mengikut bulan adalah hampir seimbang dan paling banyak diterbitkan pada bulan Julai 2021 dengan negeri yang paling banyak dilaporkan ialah Wilayah Persekutuan. Terdapat siaran berita bagi kesemua negeri kecuali negeri Pahang sahaja. Siaran berita bagi Teras 2 melibatkan isu-isu bagi tiga item kaji selidik tertinggi iaitu “CB1: Tahap integriti warga agensi penguatkuasaan di Malaysia”, “CB2: Tahap profesionalisme warga agensi penguatkuasaan di Malaysia” dan “CB3: Tahap kompetensi warga agensi penguatkuasaan di Malaysia”.

Manakala bagi dapatan mengikut Teras 3 menunjukkan akhbar Harian Metro adalah paling banyak menerbitkan artikel berkaitan dengan teras ini. Dari segi jumlah artikel mengikut bulan, didapati jumlah artikel adalah

seimbang dengan bulan Julai 2021 mempunyai paling banyak artikel berkaitan Teras 3 yang diterbitkan. Dari segi lokasi pula, dapatan menunjukkan kesemua negeri mempunyai laporan berita dengan negeri Johor merekodkan paling banyak berita-berita dan isu-isu yang dilaporkan berkaitan Teras 3. Berita-berita dan isu-isu yang disiarkan adalah melibatkan tiga item kaji selidik tertinggi iaitu “DA2: Penyeludupan dadah”, “DA4: Penyeludupan barangan seperti barangan larangan, kawalan, bercukai dan kemasukan wang haram” dan “DA7: Operasi tangkapan PATI, penyeludupan, pencerobohan bot nelayan asing”.

Dapatan analisis akhbar menunjukkan secara keseluruhan Teras 4 merupakan tumpuan penerbitan artikel yang paling tinggi berbanding dengan teras-teras yang lain. Akhbar New Straits Times paling banyak melaporkan berita-berita serta isu-isu yang berkaitan dengan teras ini. Artikel-artikel yang melaporkan kes-kes keselamatan dan ketenteraman awam banyak dilaporkan pada bulan September 2021 berbanding bulan Julai 2021 dan Ogos 2021. Kesemua negeri-negeri mempunyai laporan yang berkaitan dengan Teras 4 dengan Wilayah Persekutuan merekodkan paling banyak laporan berbanding dengan negeri-negeri lain. Bagi tiga item kaji selidik tertinggi yang dilaporkan, dapatan mendapati laporan-laporan akhbar tertumpu kepada item-item “EA2: Kes pembunuhan”, “EA9: Penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, Macau *scam*, African *scam*, pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud dan penipuan penyamaran” dan “EA11: Penipuan menggunakan laman sesawang seperti laman sesawang palsu, e-scams, jenayah kripto, *ransomware*, e-godam”.

Bagi dapatan teras seterusnya, kajian mendapati akhbar New Straits Times paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Teras 5. Berita-berita dan isu-isu berkaitan teras ini banyak dilaporkan pada bulan Ogos terutamanya di negeri Johor dan Pulau Pinang. Terdapat laporan-laporan yang disiarkan dari kesemua negeri kecuali negeri Pahang sahaja. Bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik yang paling tinggi dilaporkan yang menyentuh tentang Teras 5 adalah melibatkan item “FA1: Kes mengedar dadah”, “FA2: Kes individu menyalahgunakan dadah” dan “FB3: Penguatkuasaan oleh agensi dadah adalah berkesan”.

Dapatan analisis bagi teras terakhir menunjukkan secara keseluruhan laporan-laporan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar adalah amat sedikit melibatkan Teras 6. Hanya akhbar Sin Chew Daily dan The Star sahaja yang menerbitkan artikel yang berkaitan dengan teras ini pada bulan September 2021 sahaja. Tiada laporan berita-berita dan isu-isu berkaitan pada bulan Julai 2021 dan Ogos 2021. Majoriti lokasi laporan ialah di Wilayah Persekutuan yang paling tinggi kerana tumpuan bagi Teras 6 ini hanyalah bersifat umum dan tidak spesifik kepada negeri-negeri tertentu sahaja. Manakala, bilangan artikel akhbar bagi tiga item kaji selidik Teras 6 yang paling tinggi dilaporkan adalah berkaitan dengan item “GA1: Kawalan kos berkaitan aset dilakukan secara berhemah, cekap dan berkesan”, “GB1: Keselamatan infrastruktur teknologi maklumat kerajaan serta sistem kritikal negara adalah kukuh” dan “GB2: Perlindungan dan keselamatan terhadap ancaman data kerajaan dilaksanakan dengan baik”.

5.2 Kesimpulan

Artikel akhbar yang berkaitan dengan Teras 4 iaitu isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam merupakan isu yang paling banyak diterbitkan (50.1%) oleh akhbar-akhbar tempatan di Malaysia. Artikel-artikel yang berkaitan dengan Teras 2 (Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan), Teras 3 (Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan) dan Teras 5 (Memerangi Gejala Dadah) diterbitkan dalam bilangan yang sederhana banyak iaitu di antara 14.7% hingga 17.1%. Artikel akhbar yang paling kurang diterbitkan oleh akhbar-akhbar tempatan ialah artikel yang berkaitan dengan Teras 1 (Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Institusi Utama Negara) dan Teras 6 (melindungi aset dan sasaran penting negara), masing-masing hanyalah 1.1% dan 0.6%.

Rujukan

- Ahmad Sauffiyah, H. (2019) Pendemokrasian media dan cabaran keselamatan dalam era digital. *Malaysian Journal of Communication*, 35 (1), 237-251.
- Akram, U., Hui, P., Khan, M. K., Tanveer, Y., Mehmood, K., & Ahmad, W. (2018). How website quality affects online impulse buying: Moderating effects of sales promotion and credit card use. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 30(1), 235-256.
- Bernamea (2020). Penyebaran berita palsu boleh gugat keselamatan negara - Lee Lam Thye. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyebaran-berita-palsu-boleh-gugat-keselamatan-negara-lee-lam-thye-23205>
- Bernamea (2021). Ramai pengguna internet tidak peduli kepentingan keselamatan siber - Cybersecurity Malaysia. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ramai-pengguna-internet-tidak-peduli-kepentingan-keselamatan-siber-cybersecurity-malaysia-2958>
- Cheng, J. W., Mitomo, H., Otsuka, T., Jeon, S. Y. (2015). Media's Effects on People's Perceptions and Intentions in Post-Disaster Recovery – a Case Study of the Great East Japan Earthquake, 26th European Regional Conference of the International Telecommunications Society (ITS): "What Next for European Telecommunications?", Madrid, Spain, 24th-27th June, 2015, International Telecommunications Society (ITS), Calgary.
- Jalli, N., & Idris, I. (2019, November). Fake news and elections in Two Southeast Asian Nations: A comparative study of Malaysia general election 2018 and Indonesia presidential election 2019. In International Conference on Democratisation in Southeast Asia (ICDeSA 2019), Atlantis Press.
- Nurul Madiha, M. I. & Mohd Azul, M. S. (2015). Isu privasi dan keselamatan dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial, *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 203-216.
- Semrush (2021). Get measurable results from online marketing.

<https://www.semrush.com/>

Shirky, C. (2011). The political power of social media: Technology, the public sphere, and political change. *Foreign Affairs*, 28-41.

Sualman, I. (2019). *Angkara media sosial*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/61925/KOLUMNIS/Angkara-media-sosial>

Tsfati, Y., & Cohen, J. (2012). Perceptions of Media and Media Effects. The International Encyclopedia of Media Studies. John Wiley & Sons, Ltd.

Wirza, J. M. Z. & Kee, C. P. (2013). Penentuan bingkai berita keselamatan awam dari penelitian respon kognisi dan ekspresi audiens. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 141-158.

Yaacob, M. A. S. (2018). Laporan NTP: Kadar jenayah terus menurun. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/403017/laporan-ntp-kadar-jenayah-terus-menurun>

Yaacob, M. A. S., & Sidek, M. H. (2018). Persepsi rasa lebih selamat, terjamin meningkat. Berita Harian. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/418339/persepsi-rasa-lebih-selamat-terjamin-meningkat>